

Musa: Komunis Kalimantan Utara kini lemah Operasi bersama capai kejayaan

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Musa Hitam menegaskan, Operasi Kemudi yang dijalankan bersama antara pasukan keselamatan Malaysia dan Indonesia telah berjaya melemahkan gerakan Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU).

Timbalan Perdana Menteri berkata, PKKU yang merancang untuk bergerak cerias semula tahun depan kini cuma ada 96 anggota sahaja kebanyakannya di Kalimantan Barat dan barat Sarawak.

Bilangan itu pula berpecah kepada dua kumpulan iaitu 22 orang berpusat di Bahagian pertama Sarawak terutama di Bau dan Lendu manakala 74 lagi di

Bawah Biro kedua, bergerak di Bahagian 3,6 dan 7 Sarawak terutama di Sibul.

Bellau menegaskan, operasi bersama kedua negara di sempadan Sabah dan Sarawak dengan Kalimantan akan terus diperhebatkan untuk menyekat setiap kegiatan komunis yang cuba mengancam keselamatan.

Kader baru

Datuk Musa Hitam berkata, tekanan yang diberikan oleh pasukan keselamatan kedua negara menyebabkan pasukan PKKU itu kini bertempiran.

Bellau berkata demikian dalam satu sidang akhbar bersama dengan Panglima Angkatan Bersenjata Republik Indonesia, Jeneral Tan Sri L.B. Moerdani selepas mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan Bersama ke-12 di sini hari ini.

Dalam operasi itu pasukan keselamatan dipercayai berjaya menemui dan menumpaskan beberapa kem pasukan pengganas itu dan merampas dokumen mengenai kegiatan mereka.

Dokumen yang dirampas menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin PKKU meminta pasukannya mencari kader baru untuk menyokong kegiatan mereka bagi melancarkan 'gerakan serang dan lari' sebagaimana dirancang.

Pasukan keselamatan telah dapat mengesan bahawa mereka juga menyeludup ke sekolah-sekolah untuk meluaskan pengaruh.

Anggota-anggota itu juga menjalankan keganasan dan merompak orang awam.

Ditanya sama ada ada pihak yang membantu mereka, Datuk Musa berkata, kumpulan itu tidak mendapat sokongan material dari mana-mana pihak.

Timbalan Perdana Menteri menjelaskan, sebelum operasi Seri Aman dijalankan, anggota komunis di kawasan sempadan yang dikesan berjumlah 1,800 dan terus menurun kepada 152 orang selepas operasi itu. Sekarang hanya 96 orang.

Setakat ini, operasi yang dijalankan telah memberi tamparan hebat kepada pasukan komunis itu.

Ditanya mengapa Mesyuarat Jawatankuasa Sempadan Bersama itu tidak diadakan sejak 1980, Datuk Musa berkata, usaha itu terus dijalankan di bawah penyelarasan Jawatankuasa Staf Perancang, badan eksekutif jawatankuasa itu.

Tugas-tugas yang dijalankan oleh badan itu dikaji oleh mesyuarat itu hari ini.

Mesyuarat itu tidak membincangkan masalah lanun di kawasan peraliran kedua negara.